

Biografi Tokoh Alumni Fakulti Pengurusan Maklumat UiTM: Puan Norfardilla Mohd Nor

Siti Nor Aishah Amril
Nur Jasni Sanusi
Saiful Farik Mat Yatin
Azmi Ab Rahman

Fakulti Pengurusan Maklumat
UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana
Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor.

ABSTRAK

Artikel ini bertujuan untuk mengkaji sejarah hidup tokoh alumni Fakulti Pengurusan Maklumat Pn. Norfardilla Mohd Nor ketika beliau menjadi pelajar di Fakulti Pengurusan Maklumat UiTM dan juga sewaktu beliau bergelar Pustakawan di Perpustakaan Awam Negeri Kedah. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif iaitu dengan menemubual tokoh tersebut dengan menggunakan platform atas talian Zoom. Hasil kajian mendapati beliau menjadi pelajar dalam bidang Diploma Lanjutan Sains Perpustakaan dan Maklumat di Fakulti Pengajian Maklumat di UiTM Shah Alam selama 4 tahun. Setelah menamatkan pengajian dan selesai menjalani latihan praktikal beliau terus mendapat tawaran berkhidmat di Perpustakaan Awam Negeri Kedah di Bahagian Perkhidmatan Pengguna dan seterusnya dinaikkan pangkat menjadi Ketua Sektor Pengurusan dan Perancangan di Perpustakaan Awam Negeri Kedah. Sebagai seorang yang ceria dan tidak suka memikirkan hal-hal yang remeh, menjadikan beliau seorang yang berfikiran ke hadapan dan sentiasa positif untuk mengharungi cabaran dalam hidup. Keyakinan dan usaha beliau menjadikan diri beliau sekarang di mana beliau sendiri tidak pernah jangkakan.

Kata Kunci: Alumni, Fakulti Pengurusan Maklumat, Norfardilla, pustakawan, Ketua Sektor Pengurusan dan Perancangan

ABSTRACT

This article aims to study the alumni life from the Faculty of Information Management, Pn. Norfardilla Mohd Nor when she was a student at the Faculty of Information Studies, UiTM and when she was a Librarian at the Kedah State Public Library. This study was conducted using a qualitative method by interviewing the figure by using the online platform Zoom. The results of the study found that she was a student in Advanced Diploma in Library and Information Science at the Faculty of Information Studies at UiTM Shah Alam for 4 years. After graduating and completing her practical training, she received an offer to serve in the Kedah State Public Library as a Customer Services and was subsequently promoted to the Head of Management and Planning Sector at the Kedah State Public Library. As a cheerful person and does not like to think of insignificant things, makes her a forward-thinking person and always positive to face the challenges in her life. Her confidence and efforts made her now that she herself had never expected.

Keywords: Alumni, Faculty of Information Management, Norfardilla, librarian, Head of Management and Planning Sector

PENGENALAN

Berdasarkan laman web rasmi Alumni UiTM (2020), alumni bermaksud individu yang pernah menjadi pelajar atau menjadi staff tetap di UiTM serta individu khas yang dikenal pasti secara khusus. Kajian ini memerlukan pengkaji menemubual alumni Fakulti Pengurusan Maklumat (FPM) Universiti Teknologi MARA (UiTM). Sejarah penubuhan Universiti Teknologi MARA (UiTM) bermula pada tahun 1956 yang pada mulanya diberi nama sebagai Dewan Latihan RIDA dan kemudian pada tahun 1965 telah ditukar namanya menjadi Maktab MARA dan dinaik tarafkan sekali lagi ke Institut Teknologi MARA (ITM) pada tahun 1967. Hal ini berikutan telah berlaku perkembangan pesat dalam program pembelajaran pada ketika itu, dan pada tahun 1999 pula, Institut Teknologi MARA (ITM) telah dinaiktaraf menjadi Universiti Teknologi MARA (UiTM) sebagai satu aspirasi untuk menjadi sebuah pusat pengajian tinggi bertaraf dunia serta menjadi universiti terbaik di Malaysia.

Visi UiTM adalah untuk menjadi sebuah universiti yang unggul berteraskan kesarjanaan dan kecemerlangan akademik supaya terlahir graduan yang berdaya saing, global dan beretika manakala misi UiTM pula adalah untuk mempertingkatkan keilmuan dan kepakaran bumiputera dalam semua bidang menerusi penyampaian program professional dan keberkesanan penyelidikan (Aida & Nurul Afnieza, 2018). Sepanjang penubuhan UiTM dari tahun 1956 sehingga kini, UiTM memiliki sebanyak 35 kampus cawangan di seluruh negara dan menawarkan 537 program kepada para pelajar (Universiti Teknologi MARA, 2021). Berdasarkan laman web rasmi Universiti Teknologi Mara (2021), seramai 890,334 graduan telah berjaya menamatkan pengajian mereka. Oleh hal yang demikian, kajian sejarah lisan ini amatlah bersesuaian dengan memberi fokus kepada alumni UiTM terutamanya graduan dari Fakulti Pengurusan Maklumat (FPM) dalam bidang Diploma Lanjutan Sains Perpustakaan dan Maklumat.

Asal usul mengenai kewujudan Fakulti Pengurusan Maklumat pula bermula dengan kewujudan sebuah jabatan yang dinamakan sebagai jabatan Sains Perpustakaan di bawah Sekolah Pentadbiran Awam antara tahun 1968 hingga 1970 (Adnan & Shamsul Kamal, 2011). Menurut Adnan & Shamsul Kamal (2011), jabatan tersebut telah bertukar kepada status fakulti selaras dengan perkembangan di UiTM serta menawarkan pelbagai peringkat pendidikan dan latihan dalam bidang kepustakawanan dan maklumat dari diploma hinggalah ke ijazah kedoktoran. Oleh itu, tokoh alumni yang telah dipilih untuk sesi temubual merupakan salah seorang graduan Fakulti Pengurusan Maklumat (FPM) UiTM Shah Alam tahun 1995 iaitu Puan Norfardilla Mohd Nor yang pernah menuntut dalam bidang Diploma Lanjutan Sains Perpustakaan dan Maklumat. Kajian ini memerlukan pengkaji menemubual alumni FPM untuk mengkaji pengalaman tokoh tersebut sewaktu menjadi pelajar Fakulti Pengurusan Maklumat di UiTM dan juga pengalaman dalam kerjaya beliau sebagai seorang Pustakawan di Perpustakaan Awam Negeri Kedah.

PERMASALAHAN KAJIAN

Terdapat beberapa kajian yang dilakukan berkaitan alumni seperti mengkaji tahap kesediaan alumni untuk membantu dalam penyumbangan dana di

universiti (Fidlizan Muhammad, 2017) dan kajian terhadap kebolehpayaan graduan untuk bekerja selepas tamat pengajian (Alumni Research Team, 2011). Kajian-kajian berikut lebih menjurus kearah sumbangan dan kebolehpasaran alumni dan pengkaji mendapati kurangnya kajian ilmiah terhadap rentetan hidup alumni sebagai pelajar Fakulti Pengurusan Maklumat. Sebaliknya lebih banyak kajian dibuat untuk melihat sejauhmana kebolehpasaran siswazah di Malaysia dalam bidang kerjaya mereka (Muhammad Hazrul Ismail, 2012). Tambahan lagi, tokoh yang pilih (Puan Norfardilla Mohd Nor), didapati tiada kajian lepas yang mendokumentasikan kisah hidup beliau.

Oleh itu, kajian ini perlu dijalankan bagi menyelidik apakah terdapat sumbangan yang telah diberikan oleh tokoh dan mengenalpasti apakah peristiwa atau pengalaman tokoh tersebut sepanjang beliau bergelar pelajar FPM dan menjawat karier sebagai Pustakawan atau Ketua Sektor Pengurusan dan Perancangan di Perpustakaan negeri Kedah.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif seperti berikut:

1. Untuk mengenali salah seorang tokoh alumni Fakulti Pengurusan Maklumat iaitu Puan Norfardilla Mohd Nor.
2. Untuk mengkaji sejarah hidup beliau sepanjang menuntut di Fakulti Pengurusan Maklumat dan karier terkini beliau.
3. Untuk mengkaji apakah sumbangan Puan Norfardilla Mohd Nor sewaktu bergelar pustakawan.

PERSOALAN KAJIAN

Persoalan kajian ini merangkumi hal-hal seperti:

1. Bagaimanakah kehidupan tokoh alumni Fakulti Pengurusan Maklumat iaitu Puan Norfardilla Mohd Nor dari kecil sehingga kini?
2. Apakah pengalaman dan peristiwa yang pernah dilalui oleh beliau semasa melanjutkan pelajaran di Fakulti Pengurusan Maklumat serta kerjaya terkini beliau?

3. Apakah sumbangan beliau di dalam karier beliau?

KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Kajian ini memberi impak kepada pelajar Fakulti Pengurusan Maklumat sendiri. Melalui kajian ini, pelajar-pelajar dapat mengenali tokoh-tokoh Fakulti Pengurusan Maklumat yang telah belajar pada awal penubuhan fakulti ini. Serta, melalui kajian ini, pelajar dapat memperoleh inspirasi untuk berjaya dalam bidang yang diceburi.

Selain itu, kajian ini secara tidak langsung memberi pendedahan kepada orang ramai tentang bidang kepustakawanan. Ini kerana, melalui temubual ini, ianya dapat menambah kefahaman yang lebih mendalam tentang perpustakaan melalui perkongsian tokoh tersebut. Di mana perpustakaan bukanlah hanya melibatkan perkhidmatan semata-mata malah ia lebih daripada itu.

Kajian ini juga mampu memberi kesedaran kepada orang ramai bahawa kaedah temu bual ini adalah penting bagi mendapatkan maklumat yang sahih. Kajian ini juga sangat signifikan kerana melalui pendokumentasian maklumat-maklumat dan pengalaman berharga ini, ianya boleh dipelihara dan dimanfaatkan oleh generasi akan datang.

TINJAUAN LITERATUR

Menurut Roslee Rajikan & Nasrun Alias (2016), alumni sangat penting sebagai pemangkin dalam pembangunan sesebuah universiti. Umumnya, alumni adalah golongan bekas pelajar sesebuah universiti yang telah berjaya menamatkan pengajian pada peringkat tertentu dalam bidang masing-masing. Secara tidak langsung, mereka juga menjadi duta kepada sesebuah universiti masing-masing. Berdasarkan dapatan kajian lepas, terdapat beberapa kajian yang dibuat terhadap alumni. Mohd Hassan Mohd Osman (2007) pernah melakukan kajian ke atas alumni mengenai faktor yang mendorong graduan dan alumni Universiti Teknologi Malaysia (UTM) menceburi bidang keusahawanan. Selain itu, Noor Eliani Noor Rawi & Siti Syazwana Che Said (2011) pula menceritakan

perjalanan hidup Datin Paduka Shahaneem Hanoum N. N. Dadameah antara wanita pertama yang memegang jawatan di Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS). Kajian ini juga mengetengahkan penglibatan dan sumbangan beliau sepanjang memegang jawatan di PPAS. Melalui kajian ini, dapat dilihat bahawa beliau merupakan seorang yang berdedikasi dan berkomitmen tinggi untuk menanamkan semangat membaca dalam kalangan masyarakat. Namun begitu, kajian tersebut tidak menekankan sejarah hidup beliau semasa menuntut di UiTM, di dalam kajian tersebut juga tidak menyatakan fakulti yang beliau belajar serta program yang diambil semasa di universiti.

Terdapat juga kajian yang dibuat oleh Zul Hilmi Abdullah, Shaharudin Ismail & Khairi Abdul Rahim (2012) terhadap graduan Institusi Pengajian Tinggi Islam (IPTI) dan juga Suhaila Nadzri et al., (2015) terhadap alumni Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) di mana mereka memfokuskan kajian terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi alumni untuk mendapatkan kerja setelah graduasi. Hussain M.A (2019) menceritakan kisah Profesor Emeritus Tan Sri Dato' Sri Ir. Dr. Sahol Hamid Abu Bakar iaitu mantan Naib Canselor Universiti MARA yang juga salah seorang alumni UiTM. Kini beliau juga merupakan Naib Canselor di BS Abdur University di Chennai dimana perlantikan beliau atas jawatan tersebut menjadikan beliau sebagai individu pertama yang bukan warganegara India memegang jawatan tersebut. Di dalam kajian tersebut juga menceritakan kisah hidup beliau sejak kecil sehingga bergelar Naib Canselor. Beliau juga menyatakan bahawa UiTM mengubah kehidupan beliau yang dulunya terlibat dalam kegiatan *gangster*. Justeru, beliau amat berterima kasih kepada UiTM. Kini beliau merupakan seorang yang disegani dan kisah beliau memberikan inspirasi kepada orang ramai dan secara tidak langsung membawa nama UiTM ke peringkat yang lebih tinggi. Kajian ini ada menyatakan bahawa beliau merupakan seorang alumni UiTM, namun program atau kursus yang beliau ambil bukanlah tajuk yang dibincangkan secara spesifik di dalam kajian tersebut. Kajian-kajian lepas ini menunjukkan amat penting bagi pengkaji untuk melihat sejauhmana kebolehpasaran golongan alumni terutamanya alumni Fakulti Pengurusan Maklumat UiTM untuk menceburi bidang kerjaya setelah mereka graduasi.

Oleh itu, kajian yang dijalankan ini akan mengetengahkan tokoh alumni Fakulti Pengurusan Maklumat dalam bidang Sains Perpustakaan dan menekankan sejarah hidup beliau semasa menuntut di UiTM khususnya di Fakulti Pengurusan Maklumat serta perjalanan hidup beliau sehingga karier terkini beliau iaitu sebagai seorang pustakawan. Hal ini kerana, kajian ini dapat membantu untuk memberi pencerahan mengenai bagaimanakah rentetan hidup tokoh kajian ini sewaktu menjadi pelajar Fakulti Pengurusan Maklumat sehinggalah beliau berjaya memasuki ke alam pekerjaan.

METODOLOGI

Kaedah kajian ini dijalankan menggunakan kaedah kualitatif iaitu dengan menemubual tokoh alumni Fakulti Pengurusan Maklumat. Kaedah ini berkait rapat dengan definisi Sejarah Lisan itu sendiri, iaitu maklumat dikumpul melalui temubual bersama individu yang berkaitan bagi mendapatkan dan mengesahkan kebenaran sesuatu fakta sejarah yang diperolehi serta penting dalam mencatat dan menyimpan kejadian lampau yang pernah dilalui oleh individu tersebut (Seow, 2020).

Tokoh ini telah diberikan oleh pihak pensyarah dan pengkaji memilih tokoh tersebut kerana ia berkaitan dengan tema kajian sejarah lisan pengkaji iaitu untuk menemubual alumni Fakulti Pengurusan Maklumat (FPM) di UiTM serta pernah mengambil bidang Diploma Lanjutan Sains Perpustakaan dan Maklumat.

Hasil temubual ini mendapati Puan Norfardilla merupakan seorang alumni FPM pada tahun 1995 dalam bidang Diploma Lanjutan Sains Perpustakaan dan Maklumat di ITM selama 4 tahun. Di mana pada ketika itu, nama Institut Teknologi Maklumat (ITM) masih digunakan. Beliau juga turut berada pada era di mana telah berlakunya perubahan nama ITM menjadi Universiti Teknologi MARA. Setelah tamat pengajian universiti dan selesai menjalani latihan praktikal, beliau terus mendapat tawaran berkhidmat di Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah di Bahagian Perkhidmatan Pengguna dan seterusnya dinaikkan pangkat sebagai Ketua Sektor Pengurusan dan Perancangan selama hampir 20 tahun.

Proses pengumpulan data dimulakan dengan mencari serba sedikit maklumat tokoh tersebut yang sedia ada di internet. Setelah itu, pengkaji menghubungi sumber rujukan melalui nombor pejabat dan emel rasmi beliau bekerja untuk menetapkan tarikh temujanji. Sesi temubual dilakukan melalui platform atas talian *Zoom* di mana pautan tersebut diberi melalui emel. Sesi temubual dijalankan sebanyak 2 sesi dan mengambil masa 2 jam pada hari pertama dan 40 minit pada hari kedua. Kedua-dua sesi temu bual ini dirakam menggunakan aplikasi tersebut. Kebaikan menggunakan platform atas talian didapati lebih mudah kerana pengkaji tidak perlu menggunakan wang dan tenaga untuk menemui tokoh tersebut yang berada di kawasan lain. Namun pengkaji juga mendapati terdapat sedikit kekurangan sewaktu menggunakan platform atas talian ini kerana sewaktu temubual dijalankan, terdapat masalah dengan sambungan internet sehingga menyebabkan pengkaji terkeluar dari sesi temubual atas talian pada ketika itu.

HASIL KAJIAN

Latar Belakang



Gambar 1: Puan Norfardilla Mohd Nor

Norfardilla Mohd Nor ialah anak jati kelahiran Sungai Petani, Kedah dan merupakan anak sulung daripada tiga orang adik-beradik. Beliau dilahirkan pada tanggal 20 Oktober 1975 dan masih lagi menetap di Sungai Petani, Kedah sehingga kini. Bapa beliau, Mohd Nor Abdul Syukor dan ibunya, Roshadah Md Said. Kedua-dua mereka merupakan pesara kerajaan. Pada tanggal 20 Mei 2000, beliau telah melangsungkan perkahwinannya bersama Professor Madya Ts. Dr.

Asmadi Mohammed Ghazali yang juga merupakan mantan Rektor dan tenaga pengajar di UiTM Kedah serta dikurniakan dua orang anak, masing-masing lelaki dan perempuan berumur 18 tahun serta 13 tahun. Memiliki personaliti yang berfikiran positif, terbuka dan suka berkongsi pendapat membuatkan dirinya amat mudah untuk didekati. Namun, menurut beliau, sewaktu bekerja, beliau merupakan seorang yang tegas dan bersungguh-sungguh dalam melakukan sesuatu tugas. Norfardilla telah berjaya membuktikan bahawa seorang yang pernah gagal sekali dalam hidup tidak bermakna akan gagal untuk selamanya. Ini kerana, perjalanan kisah hidup beliau yang bermula dari seorang pelajar yang biasa sehinggalah berjaya bergelar Pustakawan telah membuktikan sesiapa sahaja mampu berjaya sekiranya mahu bangkit dari kegagalan dan berusaha untuk mencapai kejayaan.

Pendidikan Awal dan Menengah

Puan Norfardilla mendapatkan pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Sungai Layar, Sungai Petani Kedah dari Darjah Satu (1) sehingga Darjah Enam (6) dan kemudian menyambung pendidikan menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan *Convent Father Barre* dari Tingkatan Satu (1) sehingga Tingkatan Lima (5). Beliau lebih meminati aktiviti kebudayaan dan kurang aktif aktiviti luar seperti bersukan. Disebabkan itu, beliau lebih banyak melibatkan diri dalam aktiviti tarian sejak dari zaman sekolah rendah sehingga menengah dan pernah memasuki pertandingan tarian bagi mewakili sekolah rendah beliau. Semasa di sekolah menengah pula disebabkan minat beliau yang mendalam dalam aktiviti kebudayaan, beliau turut menjadi Ahli Jawatankuasa Dalam Biro Kebudayaan.

Pendidikan di Peringkat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)

Selepas tamat pendidikan menengah, Norfardilla terus menyambung pengajiannya ke peringkat Tingkatan Enam (6) iaitu Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) di Sekolah Menengah Kebangsaan Ibrahim di Sungai Petani Kedah selama dua (2) tahun dalam aliran Sastera (*Art Stream*). Di sini juga beliau mula berkenalan dengan suaminya iaitu Prof Madya Dr Asmadi. Menurutnya, beliau lebih meminati subjek-subjek yang lebih ke arah pembacaan dan kurang meminati

subjek sains dan matematik dan disebabkan itu beliau memasuki aliran Sastera. Beliau juga termotivasi dari salah seorang guru kelas beliau iaitu Cikgu Hassan Baseri Budiman yang juga merupakan seorang penulis dan masih lagi berhubung sehingga kini. Menurut Puan Norfardilla, beliau amat berbangga menjadi seorang Pustakawan kerana beliau dapat membantu Cikgu Hassan untuk menggunakan perkhidmatan perpustakaan, penerbitan buku dan beliau juga turut membantu Cikgu Hassan untuk melengkapkan pengajiannya dalam PhD dan juga jualan buku.

Beliau merupakan seorang yang tidak suka memikirkan perkara remeh atau *overthinking* dan lebih banyak menghabiskan masa bergaul bersama rakan-rakan serta melibatkan diri dalam aktiviti kebudayaan. Namun satu hal yang beliau kesali sewaktu di zaman sekolah menengah ialah tidak bersungguh-sungguh dalam pelajaran menyebabkan beliau tidak mendapat markah terbaik dalam peperiksaan dan mula menyedarinya ketika belajar di peringkat STPM. Dari situ, beliau mula belajar bersungguh-sungguh sehinggalah ke peringkat universiti.

Pendidikan Universiti

Selepas tamat STPM pada tahun 1995, ibu beliau tidak membenarkan beliau untuk bekerja sambilan dan hanya diminta untuk berada di rumah dan belajar memasak dan beliau tidak perlu menunggu masa terlalu lama untuk menyambung pengajiannya ke peringkat universiti iaitu di ITM.

Beliau telah berjaya mendapat tawaran menyambung pengajiannya dalam bidang Diploma Lanjutan Sains Perpustakaan dan Maklumat di ITM Shah Alam selama 4 tahun, di mana pada ketika itu, nama ITM iaitu Institut Teknologi MARA masih digunakan. Fakulti Pengurusan Maklumat juga pada masa itu masih berada di kampus induk iaitu bertempat di Menara ITM Shah Alam dan Kampus Puncak Perdana juga masih belum wujud pada ketika itu. Fakulti Pengurusan Maklumat (FPM) pada ketika itu hanya menumpang di bangunan yang dipanggil Kompleks Tahir Majid yang turut berkongsi dengan Fakulti Senibina Perancangan & Ukur yang terletak di atas Kolej Anggerik dan juga di Menara, serta tidak wujud lagi fakulti besar yang hanya dikhususkan untuk FPM sahaja seperti yang telah wujud

kini iaitu di Kampus Puncak Perdana Shah Alam. Keadaan di FPM pada ketika itu juga, hanya sedikit sahaja kemasukan pelajar pada ketika itu iaitu lebih kurang 70 orang pelajar sekali dalam setahun.

Tidak lama setelah beliau memulakan pengajiannya dalam bidang Diploma Lanjutan Sains Perpustakaan dan Maklumat di ITM, nama tersebut telah ditukarkan kepada Ijazah Sarjana Muda Sains Perpustakaan dan Maklumat dan ditukarkan sekali lagi kepada Ijazah Sarjana Muda Pengajian Maklumat. Pada ketika itu, terdapat tiga kursus utama iaitu Sains Perpustakaan & Maklumat, Pengurusan Sistem Maklumat, dan Pengurusan Rekod. Oleh kerana beliau amat tidak menggemari perpustakaan, jadi beliau telah memilih kursus Pengurusan Sistem Maklumat kerana tidak mahu bekerja di perpustakaan dan bercita-cita ingin menjadi Penganalisis Sistem Maklumat. Suami beliau juga turut menyambung pengajian di ITM tetapi mengambil bidang Pengurusan Rekod. Selama pengajian beliau disitu juga, nama ITM telah ditukarkan secara rasminya kepada UiTM iaitu Universiti Teknologi MARA iaitu pada 26 Ogos 1999 (Mohamad Sufian Hasim, 2004). Menurut beliau, beliau dan rakan-rakan amat berbangga kerana merupakan kelompok pelajar pertama yang merasai perubahan nama ITM bertukar menjadi Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Puan Norfardilla juga aktif melibatkan diri dalam aktiviti kebudayaan sebagai contohnya dalam lakonan. Menurut beliau, beliau kurang aktif melibatkan diri dalam aktiviti berpersatuan kerana lebih suka fokus pada satu-satu perkara sahaja serta hanya menjadi ahli jawatankuasa (AJK) biasa dalam Biro Perpustakaan dan juga badan beruniform KESATRIA. Menurut beliau juga, sewaktu penggal pertama pengajian, keputusan peperiksaan beliau tidak memberangsangkan, dan menyebabkan beliau mula untuk belajar bersungguh-sungguh sehingga berjaya mendapatkan keputusan yang terbaik di penggal seterusnya sehingga pada semester enam (6) beliau berjaya mendapatkan Sijil Dekan dalam peperiksaan.

Beliau seorang yang lebih suka belajar sendiri dan tidak suka belajar dalam kumpulan serta mengadakan perbincangan di perpustakaan. Beliau berkata

belajar secara dalam kumpulan akan lebih memberi tekanan dan susah untuk memberi tumpuan.

Bidang Pekerjaan

Setelah menamatkan pengajian di UiTM pada tahun 1999, beliau terus ditawarkan bekerja di Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah dan memulakan kerjaya beliau sebagai pekerja kontrak selama setahun, kemudian beliau diserap menjadi pekerja tetap di sana. Beliau tidak bercadang untuk berkerja di Kedah kerana sebelumnya beliau pernah menjalani latihan praktikal di Kuala Lumpur iaitu di Perpustakaan BERNAMA. Kursus yang beliau ambil juga bukanlah menjurus sepenuhnya ke arah perpustakaan tetapi lebih kepada pengurusan sistem maklumat membuatkan beliau sendiri tidak menyangka akan menceburi bidang perpustakaan ini. Pada awalnya, beliau mula bekerja di Bahagian Perkhidmatan sebagai Penolong Pustakawan Gred S29, sehingga dinaikkan pangkat sebagai Ketua Sektor Pengurusan dan Perancangan di mana beliau tidak lagi menguruskan Bahagian Perkhidmatan tetapi lebih kepada pengurusan yang melibatkan urusan pentadbiran, kewangan, pembangunan, aset jabatan dan juga bidang IT (teknologi maklumat) di perpustakaan tersebut.

Sebagai Ketua Sektor Pengurusan dan Perancangan, terdapat enam (6) unit di bawah pemantauan beliau iaitu Unit Pentadbiran, Unit Kewangan, Unit Pembangunan, Unit Aset, Unit Teknologi dan Unit Korporat. Sebelum beliau memasuki ke alam perpustakaan, beliau tidak merasakan bahawa kerjaya pustakawan adalah suatu kerjaya yang profesional. Beliau juga merasakan masih ramai lagi orang di luar sana yang tidak mengenali apa itu pustakawan. Kerjaya pustakawan ini mungkin dianggap hanya bekerja di kaunter, mengecop buku, menguruskan perkhidmatan pemulangan dan peminjaman buku. Beliau yang mengakui bahawa beliau bukanlah sorang yang meminati perpustakaan malah sangat jarang ke perpustakaan. Oleh itu, beliau tidak menyangka akan menjadi orang kuat di perpustakaan. Menurut beliau, perasaan cinta kepada perpustakaan lahir dari diri beliau setelah beliau sendiri menguruskan perpustakaan. Beliau mengetahui betapa pentingnya perpustakaan ini untuk kita menimba ilmu dan bagi beliau, berkerja di bahagian pengurusan membuatkan beliau menyedari bahawa

perpustakaan bukanlah semata-mata memberikan perkhidmatan kepada pengguna tetapi lebih daripada itu.

Menurut Puan Norfardilla, cabaran semasa bergelar sebagai seorang pustakawan adalah sewaktu menghadapi pengguna perpustakaan yang berbagai ragam dan menguruskan aduan daripada pengguna, ada yang datang menjerit-jerit ada juga yang membuat aduan hingga ke Biro Aduan Awam. Oleh itu, perpustakaan perlu sentiasa memperbaiki dan mengatasi kekurangan yang ada. Apabila ingin memenuhi kehendak pengguna kita perlu ada ilmu dan mengetahui isu-isu semasa yang terjadi pada masa sekarang, kalau tidak, kita akan malu, katanya. Bekerja di perpustakaan juga perlulah sentiasa kreatif dan inovatif. Mereka perlu sentiasa melihat perpustakaan-perpustakaan lain supaya dapat memperbaiki perkhidmatan yang sedia ada. Pustakawan perlu mempunyai banyak kenalan dan mempunyai hubungan yang baik dengan orang yang berkaitan, walaupun perpustakaan ini adalah satu entiti yang berbeza, tetapi mereka tidak bergerak sendiri, mereka perlu berurusan dengan jabatan-jabatan, setiausaha kerajaan, kontraktor, pembekal dan sebagainya. Oleh itu, komunikasi dan perhubungan adalah sangat penting kerana ia dapat mempermudah urusan. Selain itu, cabaran besar bagi beliau adalah bagi mewujudkan Perpustakaan Digital Kedah. Ini kerana, pelbagai perkara perlu diuruskan bagi melaksanakan perpustakaan digital tersebut dari segi langganan *e-book*, berurusan dengan pembekal dan lain-lain. Hal ini kerana, semua bahan adalah dalam bentuk digital dan tidak ada langsung dalam bentuk fizikal. Menurut beliau, ilmu adalah sangat penting bagi menjayakan perkara seperti ini.

Beliau ingin menegaskan bahawa apabila memasuki bidang perpustakaan, tidak semestinya seseorang itu akan menguruskan bahagian perkhidmatan, tetapi boleh juga menguruskan hal-hal pentadbiran. Oleh itu, kursus pengurusan yang dipelajari semasa ijazah adalah sangat penting untuk digunapakai semasa di alam pekerjaan. Bagi beliau, pengurusan atasan adalah sangat penting untuk melahirkan pekerja-pekerja yang baik di bawah dengan adanya program latihan bagi pekerja. Sebagai seorang yang sangat komited dengan kerjaya terkini, beliau tidak berminat untuk menukar pekerjaan dan tidak gemar dengan idea sentiasa bertukar-tukar pekerjaan. Beliau akan menumpukan sepenuhnya di bidang yang

beliau ceburi ini dan akan melakukannya sehingga pencen. Buktinya, kini beliau telah pun memasuki tahun ke-20 berkhidmat di perpustakaan. Beliau yang memulakan pekerjaan sebagai Penolong Pustakawan, dinaikkan pangkat menjadi Pustakawan yang merupakan orang kedua terpenting di perpustakaan. Meletakkan cita-cita untuk menjadi seorang Pengarah sebagai matlamat seterusnya.

Puan Norfardilla mengatakan sebagai pustakawan, mereka perlu memikirkan inisiatif untuk menarik pengguna-pengguna di perpustakaan. Untuk menyemai semangat membaca dalam kalangan masyarakat bukanlah suatu yang mudah. Mereka perlu membuat aktiviti yang menarik dan istimewa bagi menarik pengguna menggunakan perkhidmatan perpustakaan. Beliau yang memuji konsep Perpustakaan Awam Negeri Selangor bercita-cita tinggi untuk mewujudkan perpustakaan yang setaraf dengan Perpustakaan Awam Negeri Selangor itu jika diberi peluang pada masa yang akan datang.

Aktiviti Luar dan Sumbangan

Antara sumbangan yang beliau lakukan di perpustakaan adalah dengan berkhidmat di Bahagian Pengurusan itu sendiri. Beliau perlu terlibat dan mengetahui semua perkara. Apabila dalam keadaan ketiadaan seorang ketua atau ketua itu tidak dapat menguruskan mesyuarat bersama orang luar, beliau perlu menggantikan tempat tersebut. Berurusan dengan orang luar bukanlah sesuatu yang hal mudah kerana beliau perlu berurusan dengan orang yang berlatar belakang pendidikan tinggi dan profesional seperti jurutera, kontraktor dan sebagainya. Menurut beliau, perkara ini hanya dapat dilakukan dengan memiliki ilmu pengetahuan yang secukupnya. Beliau perlu mempelajari dan mengetahui pelbagai perkara bagi memudahkannya untuk membuat sebarang keputusan dan sekiranya tidak tahu untuk membuat keputusan, rasa hormat akan hilang dari kakitangan bawahan.



Gambar 2: Program IFLA di Athens, Greece

Beliau juga sering menghadiri IFLA (*International Federation of Library Association*). Program IFLA yang paling terbaru diikuti adalah di Greece pada 2019. Beliau membentangkan kertas kerja dan turut serta dengan sesi poster di mana ia merupakan pertandingan poster untuk satu dunia. Poster yang dibuat oleh pasukan beliau terpilih untuk mewakili Malaysia. Pada tahun ini, program tersebut diadakan di Ireland, kertas kerja dan poster beliau dan rakan juga diterima untuk dibentangkan di sana namun disebabkan Pandemik COVID-19 pada tahun ini (2020) ia ditangguhkan kepada tahun hadapan (2021) yang akan diadakan di Amsterdam.

Semasa berada di Bahagian Perkhidmatan, beliau juga terlibat dengan projek kolaborasi seperti GLC (Government Linked Company) dan dengan jabatan-jabatan sukarelawan lain untuk aktiviti sukarelawan. Antara salah satu objektif perpustakaan beliau adalah untuk memperbanyakkan lagi kolaborasi dengan pihak luar dan yang berkepentingan. Perkara tersebut adalah penting bagi memastikan pihak luar dan juga pihak berkepentingan mengenali dan membantu untuk meningkatkan kredibiliti dan visibiliti organisasi perpustakaan.



Gambar 3: Kegiatan sukan berbasikal bersama kawan-kawan

Kegiatan sukan dan penjagaan kesihatan

Puan Norfardilla juga sangat aktif dalam aktiviti lasak. Aktiviti sukan ini juga adalah antara cara-cara beliau mengekalkan kesihatan diri. Antara kegiatan sukan yang beliau lakukan adalah seperti mengikuti kelas Zumba, kelas *Aerobic* dan berbasikal dalam gelanggang. Bagi beliau umur bukanlah suatu penghalang bagi melakukan aktiviti yang aktif. Salah satu guru Zumba beliau adalah rakan baik beliau sejak darjah satu sehinggalah ke tingkatan lima, Leeza Ibrahim. Beliau akan mengikuti kelas Zumba oleh rakan beliau dan akan berbasikal bersama-sama rakan beliau pada setiap hujung minggu. Walaupun dalam keadaan yang sibuk dan tempat kerja yang jauh, beliau akan memastikan bahawa beliau akan mengikuti kelas Zumba tiga kali dalam seminggu iaitu pada setiap Ahad, Isnin, dan Rabu pada jam 8.30 malam sehingga 9.10 malam. Pada Jumaat pagi pula, beliau akan mengikuti aktiviti berbasikal dalam gelanggang. Pada hari Sabtu pula beliau akan berbasikal bersama rakan-rakan beliau. Beliau akan menunggang basikal dalam jarak yang jauh menggunakan basikal jalan raya. Beliau akan memastikan dirinya melakukan aktiviti-aktiviti tersebut setiap minggu dan tidak meninggalkannya sehingga sekarang.

Beliau juga bersetuju bahawa aktiviti berbasikal ini sangat menyumbang kepada impak yang positif kepada diri beliau. Puan Norfardilla yang merupakan seorang yang menitik beratkan penjagaan badan, beliau mengakui bahawa aktiviti berbasikal ini dapat mengekalkan kesihatan beliau. Puan Norfardilla juga menggalakkan bukan sahaja anak-anak muda malah staf-staf beliau sendiri untuk melakukan aktiviti yang aktif dan menasihati agar menjaga kesihatan. Selain menjaga kesihatan badan melalui aktiviti bersukan, beliau juga menjaga pemakanan beliau. Beliau tidak kisah dianggap tidak menikmati kehidupan kerana tidak memakan makanan yang tidak sihat. Malah, beliau bangga dengan diri beliau selagi beliau menikmati kehidupan beliau dan bebas dari penyakit, kata beliau sambil ketawa kecil.

Kata-kata Pegangan

Menurut Puan Norfardilla, beliau tidak mempunyai kata-kata pegangan. Namun, beliau merupakan seorang yang sangat bersemangat dalam melakukan sesuatu perkara. Beliau akan mencuba berusaha mendapatkan apa yang beliau inginkan dengan apa cara sekalipun. Misalnya, jika beliau hendak mendapatkan berat badan yang unggul, beliau akan berusaha mendapatkan berat badan yang diinginkan dengan bersungguh-sungguh.

Kata-kata buat pelajar Fakulti Pengurusan Maklumat

Dengan keadaan belajar secara dalam talian di waktu Pandemik ini, Puan Norfardilla menyedari keperluan pelajar-pelajar kerana beliau melihat sendiri suami beliau mengendalikan pembelajaran dalam talian. Anak beliau juga yang sedang mengambil Diploma Sains Komputer menjalankan pembelajaran di atas talian. Beliau terfikir tentang mereka yang tinggal di luar bandar kerana untuk belajar secara dalam talian memerlukan prasarana internet yang mencukupi, dan ada antara mereka yang menghadapi kesukaran untuk memahami teknologi-teknologi terkini.

Nasihat beliau adalah, walau apa jua keadaan, hidup mesti diteruskan dan pengajian perlu dihabiskan. Perlu ingat pengorbanan ibu bapa membayar yuran pada setiap semester bukan suatu yang mudah. Usaha bersungguh-sungguh untuk menghabiskan pelajaran. Laksanakan tugas yang pensyarah berikan tepat pada masa dan ikut kehendak pensyarah. Tidak dapat Sijil Dekan pun tidak mengapa, asalkan habiskan pengajian. Beliau sebagai panel temuduga tidak melihat Sijil Dekan sebagai kayu pengukur untuk mengambil seseorang itu bekerja tetapi kemahiran dan fikiran yang kreatif dan inovatif adalah yang terpenting bagi beliau. Untuk menjadi seorang pustakawan, seseorang itu perlu mempunyai perancangan untuk menambah baik perpustakaan dan mempersiapkan dan mempunyai solusi bagi masalah-masalah yang dihadapi oleh perpustakaan pada masa kini.

KESIMPULAN

Rentetan perjalanan hidup Norfardilla Mohd Nor yang bermula dengan pelajar yang kurang menyerlah di zaman persekolahannya namun berjaya bangkit dengan cemerlangnya sewaktu menyambung pengajiannya dalam bidang Diploma Lanjutan Sains Perpustakaan dan Maklumat, Fakulti Pengajian Maklumat di Universiti Teknologi MARA (UiTM) membuktikan sesiapa sahaja mampu berjaya sekiranya berusaha dengan bersungguh-sungguh. Pada awalnya, beliau tidak menggemari bidang perpustakaan dan tidak berkeinginan untuk bekerja di perpustakaan, namun setelah mula mendalami dan memahami pekerjaannya sebagai seorang Pustakawan, beliau mula jatuh cinta dengan bidang kerjaya ini dan berusaha sedaya upaya untuk mencapai ke tahap yang lebih tinggi iaitu sebagai Pengarah Perpustakaan Awam Negeri Kedah.

Perkongsian beliau mengenai karier sebagai seorang Pustakawan mampu membuka mata masyarakat bahawa kewujudan perpustakaan amatlah penting dalam melahirkan masyarakat yang berilmu pengetahuan. Gelaran Pustakawan pula bukanlah semata memberi fokus kepada stigma kebiasaan masyarakat bahawa kerjaya Pustakawan hanyalah menyusun buku, mengecop buku dan peminjaman pemulangan buku sahaja sebaliknya kerjaya sebagai seorang Pustakawan adalah lebih daripada itu. Tanpa Pustakawan, tabiat membaca akan semakin berkurangan dalam kalangan masyarakat dan tanpa Pustakawan juga, perpustakaan tidak akan mampu untuk beroperasi dan membantu pengguna mendapatkan maklumat lebih-lebih lagi rujukan bahan fizikal. Menjadi seorang Pustakawan atau dalam apa jua kerjaya, perlu sentiasa memiliki ilmu pengetahuan kerana dengan sentiasa berilmu, berfikiran kreatif dan inovatif dan sentiasa mengambil tahu isu semasa mampu menjadikan seseorang itu disegani dan dihormati oleh masyarakat.

RUJUKAN

- Adnan Jamaludin & Shamsul Kamal Wan Fakeh. (2011). Perkembangan dan cabaran Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA (UiTM) dalam pendidikan dan latihan pustakawan dan profesional maklumat. *Informika: Jurnal Peradaban Informasi dan Ilmu*, 1, 27-36.
- Alumni UiTM. (2020, December 3). Alumni definition. Diakses pada Januari 16, 2021, dari <https://alumni.uitm.edu.my/index.php/services/alumni-definition>
- Alumni Research Team. (2011). *Kajian Kebolehkerjaan Graduan (Graduate Employability) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*. (Tesis). Diakses dari <https://core.ac.uk/display/12007226>
- Aida Ahmad Saipuddin & Nurul Afnieza Md Zain (Eds.). (2018). Profil UiTM 2018. Diakses pada Januari 16, 2021 dari <https://korporat.uitm.edu.my/main/images/Document/2018/ProfileUiTM2018.pdf>
- Fidlizan Muhammad. (2017). Kesiediaan graduan baharu mendanai pengoperasian universiti. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 42(2).
- Hussain M.A. (2019). Daripada Seorang Gelandangan Hingga Menjadi Naib Canselor Asing Pertama Di Sebuah Universiti India. Diakses pada Disember 18, 2020, dari <https://madeinuitm.com/daripada-seorang-gelandangan-hingga-menjadi-naib-chancellor-asing-pertama-di-sebuah-universiti-india/>
- Mohd Hassan Mohd Osman. (2007). *Faktor-faktor yang telah mendorong graduan dan alumni Universiti Teknologi Malaysia menceburi bidang keusahawanan*. (Tesis). Diakses dari <http://eprints.utm.my/id/eprint/5816/1/75004.pdf>
- Mohamad Sufian Hasim. (2004). *Kajian Keberkesanan Pengurusan Penyelenggaraan Bangunan di Universiti Teknologi MARA, Kampus Shah Alam*, MSc Dissertation, Universiti Sains Malaysia. Diakses pada Januari 6, 2021 dari https://www.researchgate.net/publication/301517016_Chapter_4_Mohamad_Sufian_Bin_Hasim_2004_Kajian_Keberkesanan_Pengurusan_Penyelenggaraan_Bangunan_Di_Universiti_Teknologi_Mara_Kampus_Shah_Alam_MSc_Dissertation_Universiti_Sains_Malaysia/citation/download
- Muhammad Hazrul Ismail. (2012). Kajian mengenai kebolehpasaran siswazah di Malaysia: Tinjauan dari perspektif majikan. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke VII. Ipoh, Perak: Universiti Kebangsaan Malaysia*, 906-913.
- Noor Eliani Noor Rawi & Siti Syazwana Che Said. (2011). Datin Paduka Shahaneem Hanoum NN Dadameah. *TINTA*, (20), 43-48.
- Seow, H., L. (2020). Sejauhmanakah Sejarah Lisan penting dan diperlukan dalam penyelidikan dan penulisan sejarah? Diakses pada Januari 6, 2021 dari https://www.researchgate.net/publication/342923894_Sejauhmanakah_Se

jarah Lisan penting dan diperlukan dalam penyelidikan dan penulisan sejarah

- Suhaila Nadzri, Nor Ayuni Rosli, Nor Suhaily Bakar, & Nuzul Akhbar Baharudin. (2015). Faktor keluarga, ganjaran, dan kesukaran memperolehi pekerjaan mempengaruhi kerjaya yang diceburi alumni KUIS. In *Proceeding of the 2nd. International Conference on Management and Muamalah* (No. 2nd. ICoMM).
- Roslee Rajikan & Nasrun Alias. (2016). Alumni Pendaulat Amanah Negara [Editorial]. *SENADI*, (11), 1-28.
- Universiti Teknologi MARA. (2021). Diakses pada Januari 16, 2021, dari <https://uitm.edu.my/index.php/en/>
- Zul Hilmi Abdullah, Shaharudin Ismail & Khairi Abdul Rahim. (2012). Penggunaan Teknologi Maklumat Dalam Memacu Kebolehpasaran Graduan Institusi Pengajian Tinggi Islam (IPTI). Regional Seminar on Islamic Higher Educational Institutions 2012 (SelPTI 2012). Diakses pada Januari 8, 2021 dari https://www.researchgate.net/profile/zul_abdullah/publication/262936243_penggunaan_teknologi_maklumat_dalam_memacu_kebolehpasaran_graduan_institusi_pengajian_tinggi_islam_ipti/links/0deec539664f289e28000000/penggunaan-teknologi-maklumat-dalam-memacu-kebolehpasaran-graduan-institusi-pengajian-tinggi-islam-ipti.pdf